



**KENYATAAN AKHBAR**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**  
**MAJLIS PERASMIAN KOLEJ KEJURURAWATAN KUALA PILAH,**  
**NEGERI SEMBILAN**

Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan prihatin terhadap pembangunan sektor kesihatan Negara. Ini selaras dengan dasar yang dijelaskan di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara, yang meletakkan bidang sains kesihatan sebagai kluster disiplin di dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). Maka di dalam kerangka tersebut, Kementerian Kesihatan telah dan sedang mengukuhkan prasarana latihan bagi sektor kesihatan dengan membina infrastruktur-infrastruktur yang dapat membina modal insan seperti institusi latihan yang berkualiti.

Kolej Kejururawatan Kuala Pilah adalah projek baru di bawah RMK 9 bagi menampung latihan Kejururawatan di Seremban. Kos pembinaan dan pembangunan kolej ini adalah sebanyak kira-kira RM52.3 Juta. Kolej ini dahulunya dikenali sebagai Kolej Kejururawatan Seremban yang telah ditubuhkan pada 14 Mei 1994 dan memulakan latihan asas Kejururawatan pada Julai 1994 dengan pengambilan pelatih seramai 73 orang.

KKM prihatin bahawa kecemerlangan seseorang graduan tidak hanya diukur berdasarkan pencapaian skor CGPA semata-mata. Oleh itu, yang menentukan nilai dan kualiti graduan adalah sumbangan yang boleh diberikan oleh mereka sebagai modal insan negara. Kemahiran insaniah perlu dipelajari, difahami dan seterusnya dihayati sebagai nilai-nilai utama kehidupan selaras dengan Budaya Korporat Kementerian iaitu Penyayang, Kerja Berpasukan dan Profesionalisme. Budaya ini dipamerkan dengan pengamalan *soft skills* apabila berdepan dengan pesakit dan pelanggan. Senyuman dan layanan mesra amatlah penting untuk dalam profesion jururawat ini yang menjadi keutamaan yang perlu dihayati oleh setiap jururawat.

Nilai-nilai inilah yang akan melahirkan modal insan yang mampu meneruskan kesinambungan kemajuan negara terutama dalam sektor kesihatan.

Dalam keadaan yang sedemikian, aspek-aspek lain seperti kematangan berfikir, perkembangan sahsiah, daya kepimpinan, budaya intelektual, kemahiran insaniah di kalangan pelajar yang seharusnya terangkum dalam pendidikan yang bersepadu. Kemahiran generik adalah merupakan kemahiran bukan teknikal yang sangat penting dalam pembangunan diri, sahsiah atau peribadi, dan kehidupan seharian pelajar serta berguna untuk melahirkan insan yang mempunyai keterampilan diri dan berdaya saing sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Dalam aspek pembangunan diri pelajar, aspek kemahiran generik ini harus diberi perhatian yang sewajarnya selaras dengan aspirasi pembangunan negara.

Pada 1 Januari 2012, latihan Kejururawatan di Kolej Kejururawatan Seremban telah berpindah ke kompleks baru di Kuala Pilah. Kompleks ini dibina di kawasan hospital lama Kuala Pilah di Jalan Melang. Kursus yang ditawarkan oleh kolej ini adalah Diploma Kejururawatan dengan tempoh pengajian adalah selama tiga (3) tahun dan Kursus Pos Basik/Pengkhususan Kejururawatan dalam bidang Perawatan Rehabilitasi dengan tempoh pengajian selama 6 bulan. Kolej ini mempunyai kapasiti untuk melatih 600 orang pada satu-satu masa dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan selesa.

Buat masa ini, terdapat seramai 348 orang pelatih sedang menjalani latihan kejururawatan di kolej ini. Bilangan ini akan meningkat dari tahun ke tahun dengan pertambahan pengajar dan juga permohonan latihan. Sejak tahun 1994 hingga kini, kolej ini telah menghasilkan seramai kira-kira 2,850 jururawat.

Selain Kolej Kejururawatan Kuala Pilah, kursus Diploma Kejururawatan juga ditawarkan di 15 institusi latihan lain di bawah kementerian ini di seluruh Malaysia, di mana pengambilan jururawat adalah seramai 3,180 orang pada tahun 2014.

Institusi Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus menjadi peneraju kecemerlangan dalam melahirkan modal insan Sains Kesihatan Bersekutu bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan berkualiti kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**